

**TAJWID AL-QURAN – QIRAAT ‘AASHIM – RIWAYAT HAFSH – TORIQ AL-SYATIBIYAH.** Oleh Abu Mardhiyah. Al-Jenderaki Enterprise: Kuala Lumpur. 2019. Jil 1. Halaman 409. ISBN 978-967-15873-2-4.

Buku ini merupakan hasil karya ilmiah Abu Mardhiyah atau nama sebenarnya Ustaz Mohamad bin Abd Manaf. Beliau merupakan graduan Ma’ahad Qiraat Shoubra di Kaherah Mesir. Beliau banyak menulis karya-karya yang kebanyakannya dalam bidang Tajwid. Antara karya beliau adalah Tajwid al-Quran (Asas) Tahap 1 & 2, Tajwid al-Quran Qiraat ‘Aashim Riwayat Hafsh Jilid 1 & 2 (2013), dan Tajwid al-Quran, Qiraat ‘Aashim Riwayat Hafsh – Toriq al-Syatibiyah (edisi terkini 2019).

Buku Tajwid Al-Quran – Qiraat ‘Aashim – Riwayat Hafsh – Toriq Al-Syatibiyah ini diterbitkan pada tahun 2019 oleh Al-Jenderaki Enterprise, Kuala Lumpur, Malaysia. Buku ini secara umumnya membicarakan berkenaan kepentingan mempelajari ilmu Tajwid. Objektif penulisan buku ini adalah untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam terhadap Ilmu Tajwid. Selain itu, cetakan buku ini turut memberi nilai tambah yang baru berbanding buku sebelumnya iaitu dengan penulis menambah maklumat mengenai ayat-ayat berkaitan *iltiqa’ al-sakinain*, penambahan *Riwayat Imam Shu’bah Toriq al-Shatibiyah* dan *Toriq al-Toiyibah* serta semakan secara menyeluruh terhadap cetakan lama.

Ulasan buku ini adalah dari 40 sub topik yang merangkumi kepelbagaian bab dalam Ilmu Tajwid serta huraian untuk setiap bab adalah sangat jelas dengan bahasa yang mudah untuk difahami. Selain itu, penulis membahagikan tajuk kecil setiap bab dalam bentuk nombor. Sumbangan utama penulis di dalam kitab ini adalah penulis menggunakan rujukan dari kitab-kitab tajwid yang muktabar seperti *Nihāyah al-Qaūl al-Mufīd* dan *Hidāyah al-Qāri Ila Tājwīd Kalām al-Bāri*. Selain itu, penulis turut menggunakan rujukan tambahan dari matan-matan utama dalam Ilmu Tajwid seperti *Matān Tuhfah al-Ātfāl wal Ghilmān* karangan *Sulāīman al-Jamzūri*, *Matān al-Muqādimah al-Jazarīyah* karangan *Imam Ibn al-Jazari*, *Matan al-Ṭuhfah al-Samannudiyah* karangan *Ibrahim al-Samannudi* dan beberapa rujukan besar yang lain. Rujukan-rujukan tersebut menunjukkan bahawa penulis amat menjaga kesahihan fakta dengan menggabungkan metode penulisan tradisional dan moden.

Buku Tajwid al-Quran ini merupakan sebuah buku yang berkaitan dengan Ilmu Tajwid serta beberapa ilmu yang terkait dengannya secara ringkas seperti *Ilmu Qiraat*, *Ilmu Rasm*, *Ilmu Dhabit*, *Ilmu Waqaf* dan sebagainya. Ilmu Tajwid yang dibincang di dalam buku ini khusus kepada *Qiraat ‘Aashim Riwayat Hafsh* melalui *Toriq al-Shatibiyah* iaitu bacaan majoriti masyarakat dunia. Walaupun begitu, turut disertakan *Riwayat Hafsh* melalui *Toriq al-Toiyibah* dan bacaan *Riwayat Shu’bah* melalui *Toriq al-Shatibiyah* dan *Toriq al-Toiyibah*. Turut dinyatakan adalah beberapa *Qiraat*, *Riwayat* dan *Toriq* yang lain secara umum sebagai bacaan tambahan pembaca dan untuk mengelak kekeliruan para pembaca.

Penulis pada awal buku iaitu dari halaman 1 hingga halaman 28 menjelaskan berkenaan pengertian al-Quran melalui gabungan beberapa pengertian yang telah dihasilkan oleh para ulama iaitu al-Quran adalah Kalam Allah berupa mukjizat yang diturunkan kepada penutup seluruh Nabi dan

Rasul dengan pengantaraan Malaikat Jibrail AS dan ditulis dalam beberapa mushaf, yang dipindahkan kepada manusia secara mutawatir, menjadi ibadah dengan membacanya, serta bermula dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah al-Naas. Penulis ketika membahaskan mengenai nama-nama al-Quran meletakkan antaranya nama ‘*al-Qurān*’, ‘*al-Furqān*’, ‘*al-Kitāb*’, dan ‘*al-Dzīkr*’. Penulis turut menyatakan berkenaan sifat-sifat al-Quran iaitu ‘*Nūr*’, ‘*Huda*’, ‘*Shifā*’, ‘*Mubarak*’, dan ‘*Mubīn*’. Penulis juga menyatakan berkenaan penurunan al-Quran dalam tiga peringkat iaitu dari sisi Allah SWT ke Luh Mahfuzh sekaligus, kemudian dari Luh Mahfuzh ke Bait al-‘Izzah dan dari Bait al-‘Izzah ke dada Nabi Muhammad SAW secara beransur. Selain itu, penulis turut menjelaskan berkenaan khilaf ayat-ayat terawal dan terakhir yang diturunkan. Penulis turut membahaskan berkenaan makna surah di dalam al-Quran, jumlah surah, pembahagian surah dari aspek penurunan serta pembahagian surah dari aspek surah *al-Tuwal* (Panjang), *al-Miun* (ayat lebih seratus) *al-Mathani* (selepas surah *al-Miun*) dan *al-Mufashshal* (potongan selepas surah *al-Mathani*). Penulis turut menambah berkaitan kelebihan membaca surah-surah tertentu seperti membaca surah al-Kahfi pada hari Jumaat yang akan menerangi si pembaca antara dua Jumaat.

Seterusnya, dari halaman 29 hingga halaman 46 penulis membahaskan berkaitan makna kalimah ayat ( آية ) dari sudut bahasa dan istilah. *Ulama ‘Adad* terbahagi kepada tujuh pandangan atau golongan yang masyhur yang mempunyai pandangan sendiri berkenaan ayat-ayat bilangan al-Quran. Secara umumnya, pembahagian adalah meliputi pandangan dari golongan madani awal, madani akhir, makki, bashri, kufi, dimasyqi dan himshi. Penulis turut menulis berkenaan al-Quran pada zaman Rasulullah SAW. Baginda memerintahkan para sahabat untuk menulis ayat al-Quran yang telah diwahyukan dengan menggunakan pelepah tamar, batu-batu, kulit binatang dan sebagainya. Walaupun demikian, ramai dari kalangan sahabat lebih mengutamakan kaedah menghafaz untuk menjaga al-Quran. Turut dibahaskan adalah berkenaan al-Quran pada zaman Saidina Abu Bakar dan Saidina Othman bin Affan RA. Penulis turut membahaskan berkenaan Rasm Othmani, kaedah penulisan rasm dan istilah, hukum menulis al-Quran dalam rasm Othmani, peringkat penulisan rasm othmani dan kelebihan mushaf rasm othmani.

Seterusnya, dari halaman 47 hingga halaman 74 penulis juga memberi pencerahan berkenaan maksud al-Quran diturunkan atas Tujuh Huruf, perselisihan pendapat sehingga 40 pendapat dari para ulama mengenai Tujuh Huruf, pendapat Imam Ibn al-Jazari berkenaan Tujuh Huruf dan hikmah al-Quran diturunkan atas Tujuh Huruf. Penulis turut membahaskan berkenaan kelebihan al-Quran sebagai pemberi syafaat dan hujah, sumber utama menghampirkan diri kepada Allah SWT, sebagai cahaya kehidupan dan bekalan ke akhirat, serta sebagai kemegahan umat Islam. Selain itu, turut diterangkan berkenaan kelebihan membaca dan mendengar bacaan al-Quran serta kelebihan belajar dan mengajar al-Quran berdasarkan dalil dari hadis-hadis yang diriwayatkan. Penulis turut menulis berkenaan adab-adab membaca dan mendengar bacaan al-Quran antaranya ikhlaskan diri kerana Allah, menghadirkan hati dan aqal, membaca Isti’adzah, membaca basmalah, membaca dalam keadaan berwudhu’, membaca di tempat yang suci dan bersih, bersugi, membaca dengan khushyuk dan lain-lain. Turut diterangkan berkenaan adab-adab pelajar yang belajar al-Quran, adab-adab guru al-Quran, hukum-hakam membaca al-Quran atas orang yang berhadap dengan disertakan pendapat dari empat mazhab muktabar, hukum menyentuh al-Quran bagi

orang yang berhadad dan hukum-hakam berkaitan mengajar dan mengambil upah mengajar al-Quran.

Penulis turut menerangkan dari halaman 75 hingga halaman 124 berkaitan asas-asas ilmu tajwid. Penulis menaqlikan pendapat ulama yang menyatakan bahawa setiap ilmu merangkumi sepuluh perkara asas yang menjadi teras ilmu tersebut iaitu makna Ilmu Tajwid, hukum belajar Ilmu Tajwid, dalil-dalil berkaitan, nama ilmu tersebut, tumpuan perbincangan, kelebihan mempelajari, penyusun ilmu, masalah yang dibincangkan, matlamat dan faedah mempelajari. Penulis seterusnya menerangkan berkenaan rukun-rukun bacaan al-Quran dari aspek sah sanad, bertepatan dengan Rasm Othmani serta bertepatan dengan satu dari wajah-wajah nahu. Turut dibincangkan oleh penulis adalah berkenaan martabat dan cara mengambil bacaan al-Quran, iaitu tartil, tahqiq, hadar dan tadwir. Penulis turut mengutarakan berkenaan kesalahan dalam membaca al-Quran dari aspek pembahagian *lahn* (kesalahan) serta pembahagian hukum wajib dalam ilmu tajwid. Penulis turut menambah berkenaan bab huruf al-Quran dengan membahaskan makna, asal huruf al-Quran, ciri huruf Hijaiyyah, serta pembahagian huruf-huruf hujaiyyah.

Dari halaman 125 hingga halaman 176 penulis juga membahaskan berkenaan nuqat (titik-titik) dengan menghuraikan makna nuqat, pembahagian nuqat mengikut ulama, huruf hijaiyyah yang menerima atau boleh dimasuki nuqat serta huruf hijaiyyah yang tidak boleh dimasuki nuqat. Penulis turut membahaskan berkenaan harakah iaitu baris di dalam al-Quran dari aspek makna, pembahagian harakah, sifat harakah dan pendapat para ulama berkenaan harakah (baris). Sebagai tambahan, penulis turut membincangkan berkenaan makhraj huruf yang merupakan antara aspek utama pembelajaran Ilmu Tajwid. Perbincangan meliputi makna makhraj huruf, pembahagian makna huruf hijaiyyah, pendapat ulama mengenai bilangan makhraj am bagi huruf hijaiyyah, huraian makhraj am mengikut pendapat masyhur, serta perselisihan pendapat ulama berkenaan bilangan makhraj khas dan huruf hijaiyyah yang dibahagikan. Penulis turut menambah berkenaan makhraj huruf dengan menghuraikan berkenaan makhraj khas bagi huruf hijaiyyah dengan membahagikan makhraj tersebut kepada rongga, pangka halkum, tengah halkum, hujung halkum, pangkal lidah, pertengahan lidah, bahagian tepi lidah, antara dua tepi hujung lidah hujung lidah, antara hujung lidah, antara perut bibir, antara belakang lidah, dan batang hidung.

Penulis turut membahaskan dari halaman 177 hingga halaman 255 berkenaan gelaran huruf hijaiyyah. Antara gelaran yang dibahaskan adalah huruf jaufiah, huruf halqiah, huruf lahwiyyah, huruf syajriyyah, huruf asaliyyah, huruf nita'iyah, huruf lathwiyyah, huruf dzalqiyah, huruf syafwiyyah/syafhiyyah, dan huruf hawaiyyah. Penulis turut membincangkan berkenaan sifat huruf dari aspek makna sifat, pembahagian sifat huruf pada huruf hijaiyyah, pandangan ulama berkenaan bilangan sifat lazimah pada huruf hijaiyyah, pembahagian sifat lazimah mengikut pandangan ulama, sifat 'aaridhah, serta faedah mempelajari sifat-sifat huruf. Penulis turut membincangkan berkenaan huraian sifat lazimah bagi huruf hijaiyyah secara terperinci. Pembahagian sifat dibahagikan kepada *jahr*, *hamas*, *shiddah*, *rakhawah*, *isti'la'*, *istifal*, *itbaq*, *infatih*, *idzlaq*, *ishmat*, *shafir*, *qalqalah*, *inhiraf*, *takriri*, *tafasysyi*, dan *istitolah*. Penulis turut menambah perbahasan berkenaan huruf dan sifat-sifat huruf dari huruf alif ( ا ) hingga huruf ya' ( ي ) serta beberapa kalimah yang bersamaan pada makhraj atau berhampiran pada makhraj. Penulis juga membahaskan berkenaan huruf hijaiyyah mengikut sifat-sifatnya iaitu *huruf aqwa*, *huruf qawiyah*, *huruf mutawassitah*, *huruf*

*dha'ifah*, dan *huruf adh'af*. Turut dibincangkan adalah hubungan antara dua huruf berdasarkan makhraj dan sifat iaitu *muthāmathilan*, *mutaqāribān*, *mutajānisān*, dan *mutabā'idān*.

Dari halaman 256 hingga halaman 275, penulis membahaskan berkenaan hukum isti'adzah. Perbahasan tersebut melibatkan makna isti'adzah, pandangan ulama mengenai isti'adzah dalam bacaan al-Quran, tuntutan bacaan isti'adzah, keharusan membaca isti'adzah, pembahagian keadaan untuk membaca isti'adzah, metode membaca isti'adzah dan basmalah serta awal surah, pandangan ulama untuk membaca isti'adzah pada awal surah taubah, dan hukum membaca isti'adzah pada pertengahan surah. Penulis juga membahaskan berkenaan hukum membaca basmalah. Perbahasan adalah merangkumi aspek lafaz basmalah, hukum membaca basmalah, pandangan ulama berkenaan larangan membaca basmalah, sunat membaca basmalah dalam melakukan sesuatu perkara yang baik, keharusan membaca basmalah antara dua surah, metode membaca basmalah antara surah al-Anfal dan surah taubah, serta pandangan ulama berkenaan membaca basmalah di pertengahan surah.

Seterusnya, dari halaman 276 hingga halaman 325, penulis membahaskan berkenaan hukum nun sakinah dan tanwin. Penulis membahaskan berkenaan makna nun sakinah, pembahagian nun sakinah, makna tanwin, pembahagian tanwin, pertemuan antara tanwin dan huruf sukun berserta contoh, pandangan ulama berkenaan perbezaan nun sakinah dan tanwin, perbezaan dari aspek wasal ( وصل ) dan waqaf ( وقف ), hukum nun sakinah atau tanwin apabila bertemu dengan huruf hijaiyah, pembahagian metode penulisan nun sakinah, dan kaedah penulisan tanwin. Penulis turut menghuraikan berkenaan hukum izhar dari aspek makna izhar, hukum nun sakinah dan tanwin yang bertemu dengan huruf izhar, pandangan ulama berkenaan hakikat izhar, sebab dinamakan huruf izhar, sebab diizharkan huruf tersebut, pembahagian hukum izhar, serta contoh-contoh izhar halqi. Penulis turut menulis berkenaan hukum idgham dari aspek makna idgham, hukum nun sakinah dan tanwin yang berjumpa dengan huruf idgham, pembahagian idgham, sebab-sebab idgham, pembahagian kadar bacaan idgham, pandangan ulama berkenaan tegahan dalam membaca hukum idgham, huruf pembukaan surah yang terlibat dengan hukum idgham, dan contoh-contoh bagi idgham. Penulis juga menghuraikan berkenaan hukum iqlab dari aspek makna iqlab, hukum apabila nun sakinah atau tanwin bertemu dengan huruf iqlab, sebab dinamakan hukum iqlab, pendapat ulama berkenaan hukum iqlab, sebab berlaku iqlab, serta contoh-contoh iqlab. Penulis turut menghuraikan berkenaan hukum ikhfa' dari aspek makna ikhfa', hukum apabila nun sakinah atau tanwin bertemu dengan huruf ikhfa', sebab berlaku ikhfa', perbezaan antara ikhfa' dan idgham, sebab dinamakan ikhfa', pembahagian ikhfa' haqiqi, huruf pembukaan surah yang terlibat dengan ikhfa' haqiqi, dan contoh-contoh ikhfa' haqiqi.

Penulis juga dari halaman 326 hingga halaman 335 turut membawakan perbincangan berkaitan hukum nun musyaddadah dan mim musyaddadah. Perbahasan penulis merangkumi aspek makna nun musyaddadah dan mim musyaddadah, perletakan nun musyaddadah dan mim musyaddadah di dalam al-Quran, asal permulaan huruf musyaddadah, pandangan dari ulama bidang Dhabt berkenaan tanda tasydid, cara bacaan nun musyaddadah dan mim musyaddadah, martabat ghunnah untuk mencapai aspek kesempurnaan, dan pendapat ulama tajwid berkenaan hukum ghunnah yang terdapat pada nun sakinah atau tanwin yang diikhfa'kan. Penulis turut membahaskan hukum mim sakinah dari aspek makna atau harakat (baris) huruf tersebut, pembahagian mim sakinah di dalam

al-Quran, pembahagian mim sakinah dan huruf hijaiyah, hukum huruf ba' bertemu dengan mim sakinah, hukum huruf mim bertemu dengan mim sakinah, hukum huruf hijaiyah bertemu dengan mim sakinah, serta contoh-contoh untuk ikhfa' syafawi, izhar syafawi dan idgham mithlain.

Dari halaman 336 hingga halaman 391, penulis turut membahaskan berkenaan hukum lam sakinah. Perbahasan merangkumi makna lam sakinah, pembahagian lam sakinah, pengertian lam ta'rif dan lam ziyadah, kelaziman terjadinya lam ta'rif, pembahagian lam ta'rif, sebab diizharkan bacaan alm ta'rif apabila bertemu huruf-huruf Qamariah, diidghamkan lam ta'rif apabila bertemu huruf-huruf Syamsiah, pembentukan lam Fi'el, pembentukan lam Harf, pembentukan lam Ism, dan contoh-contoh untuk pembahagian lam sakinah. Penulis juga membincangkan berkenaan hukum baki huruf hijaiyah berjumlah 15 huruf beserta contoh. Penulis turut membahaskan berkenaan idgham mutamathilan dari aspek makna idgham mutamathilan, pecahan idgham mutamathilan, hukum idgham mutamathilan tanpa ghunnah, idgham mutamathilan dengan ghunnah, pendapat ulama mengenai tegahan mempraktikkan bacaan idgham mutamathilan, serta contoh-contoh bagi idgham mutamathilan. Ditambah juga perbahasan berkenaan idgham mutaqaribain dari aspek makna idgham mutaqaribain, hukum idgham mutaqaribain tanpa ghunnah, hukum idgham mutaqaribain dengan ghunnah, serta pendapat ulama tajwid berkenaan tegahan dari melakukan bacaan idgham mutaqaribain. Selain itu, penulis juga menambah berkenaan idgham mutajanisain dari aspek makna idgham mutajanisain, pembahagian idgham mutajanisain, hukum idgham mutajanisain tanpa ghunnah, hukum idgham mutajanisain dengan ghunnah, dan pandangan ulama berkenaan tegahan membaca idgham mutajanisain. Di akhir buku ini, dari halaman 392 hingga halaman 409, penulis turut mencatatkan berkenaan 50 soalan yang lazim ditanya berkenaan tajwid beserta indeks Jilid 1.

Kandungan buku ini dilihat amat baik untuk menjadi bahan bacaan terutama masyarakat Islam untuk memahami hukum-hakam berkaitan Ilmu Tajwid. Buku ini dikupas berdasarkan kepada hujah yang sahih berpandukan pandangan para ulama yang masyhur dan terkenal dalam bidang Tajwid. Buku ini membuatkan pembaca berasa dekat dengan al-Quran seterusnya berminat untuk mempelajari kaedah bacaan al-Quran yang sahih. Dengan membaca buku ini, masyarakat juga akan lebih memahami bagaimana perkara-perkara asas berkaitan belajar dan mengajar al-Quran, bagaimana sesuatu hukum Tajwid itu terjadi beserta contoh. Buku ini wajar dijadikan bahan bacaan oleh masyarakat Islam sama ada dibaca secara individu mahupun di dalam suatu kelas yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

**Muhammad Zaid bin Shamshul Kamar**  
Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor